

15 JAN 2002

Mahathir-Penjaja (Bergambar)

KERAJAAN AKAN NAIK TARAF TEMPAT PERNIAGAAN PENJAJA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Kerajaan akan mengenal pasti tempat yang sesuai dan menaik taraf tempat perniagaan peniaga kecil dan penjaja yang sedia ada di setiap bandar seluruh negara bagi memastikan ia berada dalam keadaan bersih, teratur dan terjaga.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bukan hasrat kerajaan untuk mendapat keuntungan daripada peniaga kecil dengan mengenakan sewa tetapi ia untuk faedah peniaga berkenaan bagi membolehkan mereka mendapat keuntungan lebih tinggi.

"Jika mereka akur dan patuh dengan peraturan yang ditetapkan pihak majlis perbandaran, perniagaan akan menjadi lebih tertib dan teratur, seterusnya akan menarik lebih ramai pelanggan," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa berucap pada majlis Aidilfitri anjuran Persatuan Penjaja dan Peniaga Wilayah Persekutuan di sini malam ini.

Beliau berkata kerajaan tahu peniaga kecil tidak boleh dihapuskan kerana rakyat suka minum di gerai-gerai, dan untuk itu keadaan dan tempat perniagaan itu perlu disesuaikan dengan kemajuan negara yang pesat membangun.

Perdana Menteri berkata walaupun kerajaan sering membantu penduduk di luar bandar, tetapi ia juga tidak lupa untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang tinggal di bandar.

Selain itu, katanya, kerajaan mempunyai peruntukan setiap tahun bagi meningkatkan prestasi peniaga kecil.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga akan menaik taraf tempat peniaga kecil di kawasan Jalan Tuanku Abdul Rahman supaya setaraf dengan gerai yang terdapat di Bintang Walk, Jalan Bukit Bintang di sini.

"Kita beri sokongan kepada golongan peniaga tepi jalan asalkan mereka berniaga secara tertib, bersih, teratur dan indah," katanya.

Dr Mahathir juga menyangkal pendapat yang mengatakan bahawa jika berniaga di gerai, ia mesti berada dalam keadaan berkecamuk dan tidak indah.

"Sepatutnya ia tidak begitu...peniaga di tepi jalan juga boleh menjadikan gerai mereka tertib, disusun dengan elok, mengenakan pakaian bersih serta pinggan mangkuk disusun dengan rapi.

"Saya yakin perniagaan tidak akan menjadi masalah jika gerai dikendalikan secara tertib...Datuk Bandar pun tak kacau sangat," kata beliau.

Beliau memberikan contoh gerai di belakang kawasan Chow Kit pada bulan Ramadan lepas yang menurutnya tidak tersusun dengan elok.

Perdana Menteri turut meminta kerjasama golongan penjaja dan peniaga kecil supaya memastikan kawasan sekitar gerai mereka sentiasa bersih.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, Timbalan Menteri Kesihatan merangkap anggota Parlimen Titiwangsa Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed dan Yang Dipertua Persatuan Peniaga dan Penjaja Kecil Wilayah Persekutuan Baharin Razak.

Keadaan penuh sesak dengan kira-kira 80,000 orang awam hadir pada majlis itu yang turut diserikan dengan persembahan beberapa artis tempatan.

Dr Mahathir kemudiannya menerima sumbangan daripada pelbagai persatuan penjaja berjumlah RM15,000 untuk Tabung Ehsan Afghanistan dan RM48,000 dan barangan makanan serta peralatan bernilai RM2 juta untuk Tabung Banjir

Negara.

Untuk majlis itu, sebahagian Jalan Tuanku Abdul Rahman ditutup kepada lalu lintas selama sembilan jam mulai pukul 5 petang tadi, bermula dari persimpangan Jalan Chow Kit dan persimpangan Jalan Raja Alang sejauh kira-kira 500 meter.

-- BERNAMA

SHS RV RHM